

USIA EMAS: PELUANG KEEMASAN GANDAKAN AMAL SOLEH

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثِيَ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ

بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾ (Surah An-Nahl, ayat: 97)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya dengan penuh khushyuk dan istiqamah. Semakin khushyuk kita mengabdikan diri kepada Allah SWT dan mengingati akhirat, semakin besar peluang kita mendapatkan husnul khatimah dan mati dalam keadaan beriman.

Firman Allah SWT:

يٰۤأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam." (S. Ali-Imraan: 102).

SAUDARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Sudah menjadi lumrah dalam kehidupan setiap insan, usia tua tidak bisa dihindari jika dikurniakan Allah umur yang panjang. Ia adalah sebahagian daripada fasa kehidupan yang telah ditentukan oleh Allah SWT selaku Pencipta alam semesta ini. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لَكُمْ لَا يَعْلَمُ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ

عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾

Maksudnya: "Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Dia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua - kebudak-budakan), sehingga menjadilah dia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa." (S. An-Nahl: 70).

Berpandukan kepada mafhum firman Allah SWT ini, kita beroleh pengajaran bahawa setiap fasa dalam proses kehidupan dan perkembangan seorang insan mempunyai matlamat tersendiri, baik fasa bayi dalam kandungan atau fasa bayi selepas kelahiran, fasa kanak-kanak, remaja dan dewasa, dan akhirnya tua. Kita makhluk bernama manusia dituntut supaya memastikan perubahan fasa kehidupan yang berlaku itu diurus sebaik mungkin agar pengakhiran daripada proses penghidupan di dunia ini bernoktah pada husnul khatimah atau kesudahan yang baik, yakni mati dalam keadaan beriman dan Islam.

Dengan kata lain, setiap fasa perubahan yang berlaku khususnya fasa umur baligh hingga usia emas perlu dilihat sebagai satu peluang serta kesempatan untuk mengumpul seberapa banyak bekalan untuk dunia kekal selepas nyawa diambil pemiliknya iaitu Allah Yang Maha Esa. Perkara ini perlu diberikan perhatian oleh setiap Muslim mengingat bahawa jangka hayat manusia secara umumnya berligar sekitar 60 hingga 70 tahun sebagaimana Hadith daripada Abu Hurairah, katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Usia umatku antara 60 hingga 70 tahun. Sedikit antara mereka yang melebihi usia tersebut". (HR At-Tirmidzi).

SAUDARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sementelahan, kita menyedari bahawa hidup di dunia ini amatlah singkat berbanding kehidupan abadi di akhirat, maka kita sewajarnya menyusun strategi supaya dapat memanfaatkan masa hidup untuk memperolehi ganjaran pahala berlipat kali ganda. Kita perlu faham bahawa Allah SWT sangat kasihkan hamba-Nya, selalu mendengar doa-doa dan munajat kita dan menyediakan syurga bagi siapa yang mengharapkannya.

Justeru, menjejaki usia emas bukan bererti hanya menumpukan kepada aspek menjaga makan, minum dan kesihatan semata-mata. Lebih penting daripada itu ialah memastikan tauhid benar-benar meresap ke dalam hati kita. Sangat penting kita mengenali Allah SWT dan sifat-sifat-Nya yang Maha Sempurna, seterusnya mengerjakan segala perkara yang telah disyariatkan-Nya dengan penuh keikhlasan. Sebab kewajipan serta tugas manusia dalam kehidupan adalah untuk menyembah dan tunduk mengabdikan diri kepada perintah Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku." (S. Az-Zariat: 56).

HADIRIN JEMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Mengabdikan diri kepada Allah SWT bererti melaksanakan semua perintah dan menjauhi larangan-Nya dan juga mengekalkan rasa kehambaan kepada-Nya pada setiap masa. Ia merupakan peranan serta kewajipan asasi setiap manusia di muka bumi ini yang nantinya akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT pada hari akhirat.

Seiringan itu, kita hendaklah berlumba-lumba mengisi hidup ini dengan amal ibadat wajib dan sunat supaya hidup lebih diberkati dan diredhai Ilahi. Ia juga sebagai bekalan di hari kemudian sebagaimana dianjurkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: "Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menunjunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada Hari Kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (S. Al-Baqarah: 148).

Selaras dengan anjuran Allah SWT tersebut, setiap individu Muslim dituntut supaya meneruskan kewajipan mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan amal-amal soleh lainnya selagi ada kudrat bagi mencapai status hamba yang terbaik di sisi Allah SWT. Ini kerana sebaik-baik manusia adalah mereka yang panjang usianya dan baik amalnya menurut Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

Ketika Rasulullah SAW ditanya: "Siapa manusia terbaik?" Baginda menjawab: "Orang yang panjang usianya dan baik amalnya."

Baginda ditanya lagi: "Lalu siapa manusia terburuk?" Jawab Rasulullah SAW: "Orang yang panjang usianya tetapi jelik amalnya." (HR At-Tirmidzi).

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Berdasarkan kepada kajian Institut Penyelidikan Penuaan pada tahun 2009, jangka hayat penduduk Malaysia didapati semakin meningkat. Usia kaum lelaki meningkat kepada 72.6 tahun, manakala usia kaum wanita meningkat kepada 77.5 tahun. Jika trend ini berterusan, maka adalah dijangkakan menjelang 2035, kira-kira 15 peratus rakyat Malaysia dijangka terdiri daripada warga tua berusia 60 tahun ke atas.

Peningkatan jangka hayat ini dikaitkan dengan kemudahan kesihatan yang semakin baik di samping timbulnya kesedaran untuk mengamalkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat. Begitu pun, jangka hayat seseorang itu pada hakikatnya adalah ketentuan Ilahi yang wajib diterima dengan penuh redha. Yang jelas, ajal datang tidak mengenal usia sebagaimana terakam pada firman Allah SWT:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ إِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ فَلَا
يَسْتَعْرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad), aku tidak berkuasa menolak mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Bagi tiap-tiap umat ada tempoh yang ditetapkan maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka melambatkan sesaatpun dan tidak dapat mereka menyegerakannya.” (S. Yunus: 49)

Sehubungan dengan mafhum firman Allah SWT tersebut, umat Islam diharap tidak mudah dibuai dengan dapatan bahawa jangka hayat rakyat kini semakin panjang. Ini kerana, dari satu sudut, jangka hayat yang panjang merupakan suatu bentuk Istimraj atau umpan kepada manusia untuk menunda-nunda pekerjaan berkaitan dengan kehidupan hari akhirat. Namun dari sudut yang lain, jangka hayat yang panjang memberi ruang dan peluang kepada umat Islam untuk bermuhasabah menilai kelemahan serta kekurangan diri sekali gus menggandakan amal ibadat sebagai persiapan menuju kampung akhirat.

Dengan hal yang demikian, Hari Warga Tua Sedunia yang dirai dan disambut pada tanggal 1 Oktober setiap tahun diharap menyedarkan kita semua bahawa kita pasti akan menjejaki usia tua jika dikurniakan Allah SWT umur yang panjang.

Kesedaran itu pula hendaklah diterjemahkan dengan menghormati dan menghargai orang tua terutama sekali ibu bapa kita dengan memastikan kebajikan mereka khususnya dari segi tempat tinggal, pakaian, sara hidup dan kesihatan diberikan perhatian yang sewajarnya. Kalau di masa muda kita suka menjaga dan berbakti kepada orang tua, insya Allah SWT, setelah kita tua kelak ada pemuda yang akan menjaga kita sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya yang bermaksud:

“Tidaklah seorang pemuda menjaga seseorang yang sudah tua melainkan Allah telah menetapkan seorang pemuda yang akan menjaganya ketika tua nanti.” (HR At-Tirmidzi).

SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Melewati usia tua, mengalami masalah kesihatan, mengharapakan pemerhatian dan kematian adalah hakikat yang harus kita hadapi. Maka, semasa hayat masih dikandung badan jangan berlaku sombong kepada Allah SWT yang memberikan nikmat serta rahmat kepada kita. Manfaatkanlah segala nikmat yang dikurniakan Allah SWT untuk beramal dan berbakti di jalan yang diredhai-Nya selaras dengan pesan Rasulullah SAW melalui sabdanya yang bermaksud:

“Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Pertama, masa sihat sebelum sakit. Kedua, masa kaya sebelum datangnya masa sempit (miskin). Ketiga, masa lapang sebelum tiba masa sibuk. Keempat, masa muda sebelum datang masa tua, dan kelima, masa hidup sebelum tiba masa mati.” (HR Hakim dan Al-Baihaqi).

Kesimpulannya, marilah kita manfaatkan sisa hidup yang masih berbaki ini untuk memperbaiki diri dengan meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT, dalam erti kata sentiasa mengingati Allah SWT dan mematuhi hukum dan undang-undang-Nya.

Mudah-mudahan, berkat keikhlasan dan istiqamah kita dalam mematuhi perintah dan larangan Allah SWT menjadikan kita orang yang beramal soleh yang akan melayakkan diri memasuki syurga-Nya.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ

نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurang balasannya) sedikitpun.” (S. An-Nisaa’: 124).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.